

## Bisnes

MM Vita oils hasilkan 150 tan produk lemak sehari

# Tingkat pengeluaran

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**  
bisnes@utusan.com.my

**SHAH ALAM** 25 Okt. – Pengeluar minyak sawit, MM Vita oils Sdn. Bhd. (MM Vita oils) yakin dapat meningkatkan pengeluaran produk lemak sawit sebanyak 18 peratus iaitu 150 tan metrik sehari menjelang akhir 2010.

Pengarah Urusannya, Mazlan Muhamad berkata, sasaran itu mampu dicapai berikutan rancangan peningkatan keupayaan kilang syarikat di Seksyen 23, di sini yang menelan belanja sebanyak RM18 juta.

Katanya, pembinaan tambahan kilang yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada Disember tahun depan itu dibuat ekoran pertambahan produk lemak sawit dalam pasaran eksport yang meliputi rantau ASEAN, Asia Tengah, Eropah dan Timur Tengah.

“Kita (MM Vita oils) telah laksanakan pelaburan pengembangan kilang sedia ada kepada kapasiti pengeluaran maksimum melibatkan semua produk yang akan mula beroperasi hujung tahun ini.

“Melalui pelaburan ini, ia akan membolehkan MM Vita oils menam-



**MAZLAN MUHAMAD**

bahkan pengeluaran khusus dalam produk lemak sawit dan bahan-bahan lain seperti marjerin, minyak sapi sayuran, bahan pembuat kek dan sebagainya bagi memenuhi permintaan semasa,” jelas beliau kepada *Utusan Malaysia* di sini.

MM Vita oils yang mula beroperasi pada 1999 telah mengeluarkan 24 jenama produk berasaskan sawit dan lemak sayuran seperti *QualiTaste*, *Golden Treat*, *Rise & Shine*, *Blossomms*,

‘ Sasaran itu mampu dicapai berikutan rancangan peningkatan keupayaan kilang syarikat di Seksyen 23, yang menelan belanja sebanyak RM18 juta

– **MAZLAN MUHAMAD**

Pengarah MM Vita oils Sdn. Bhd.

*Marvelloso* dan *Serimas*.

Selain itu, MM Vita oils turut mempunyai jaringan pemasaran yang luas di 76 negara seluruh dunia termasuklah di Kyrgyzstan, Guyana, Syria dan Qatar yang berjaya ditembusi oleh syarikat itu baru-baru ini.

Mazlan juga memberitahu bahawa syarikatnya turut membuka pintu untuk bekerjasama dengan mana-mana pelabur berminat dalam industri berkenaan pada masa depan.